

KEMPEN RM1,000,000 PULANGAN TUNAI UOBM

Terma dan Syarat

KAD KREDIT DAN/ATAU DEBIT UOBM ("KAD")

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ('UOBM') sedang menjalankan "RM1,000,000 Pulangan Tunai" ('Kempen') dari **16 Oktober 2017 hingga 4 Februari 2018** (kedua-dua tarikh termasuk) ("Tempoh Kempen").

KELAYAKAN KEMPEN

1. Tertakluk kepada Fasal 2 dan 3, Kempen ini hanya sah untuk Kad Kredit dan/atau Debit UOBM utama ("Ahli Kad Yang Layak") yang layak dan
 - a) Akaun-akaunnya yang dimiliki dengan UOBM adalah semasa, sah dan wujud seperti yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara tunggal dan mutlak; dan
 - b) Yang tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad UOBM Visa / MasterCard ("Perjanjian Ahli Kad") dan Terma dan Syarat Mastercard ("Mastercard T&S").
2. Ahli Kad Korporat, Pembelian dan Label Peribadi UOBM **tidak** layak untuk menyertai Kempen.
3. Berikut adalah **tidak** layak untuk menyertai Kempen untuk memenangi Hadiah Bulanan-
 - a) Kakitangan UOBM termasuk kakitangan tetap, kontrak dan sementara (anak syarikat UOBM dan syarikat-syarikat berkaitan);
 - b) Wakil dan / atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi) UOBM (anak syarikat UOBM dan syarikat-syarikat berkaitan); dan / atau
 - c) Milikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi Kebajikan / Pertubuhan Bukan Untung / Pelanggan Korporat dan Komersial.
 - d) Ahli Kad yang Layak yang membelanjakan kurang daripada RM1,500 (tunggal atau mengumpul resit) dalam bulan yang mengambil bahagian.

PENDAFTARAN

4. Untuk menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak mesti mendaftarkan mana-mana nombor Kad UOBM mereka sekali dalam Tempoh Kempen melalui mana-mana kaedah berikut:
 - a) daftar melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") dengan menaip UOB4<jarak>Norbtor 16-digit Kad Kredit/Debit UOBM anda kepada 66300 atau bagi Ahli Kad Yang Layak yang menerima SMS jemputan dari UOBM, mereka hendaklah mengikut arahan dalam SMS untuk mendaftar; atau
 - b) daftar melalui talian di www1.uob.com.my/1m ("Laman Web Kempen")
5. Ahli Kad Yang Layak hendaklah memastikan bahawa mereka telah memasukkan nombor Kad UOBM yang tepat di dalam SMS atau Laman Web Kempen.
6. Caj piawaian telekomunikasi akan dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar dan caj itu adalah ditanggung oleh Ahli Kad.
7. Untuk pendaftaran dalam talian, Ahli Kad Yang Layak mesti mengikut proses pendaftaran yang dinyatakan dalam Laman Web Kempen itu dan hendaklah memastikan bahawa mereka telah dimasukkan dalam semua butiran yang diperlukan dengan betul termasuk nombor Kad UOBM.
8. Selepas pendaftaran berjaya, Ahli Kad Yang Layak akan menerima pengesahan melalui SMS untuk pendaftaran melalui SMS sahaja) atau dalam Laman Web (untuk pendaftaran dalam talian sahaja) dan semua akaun Kad akan dijejak secara automatik. Pendaftaran tidak akan dianggap berjaya melainkan Ahli Kad Yang Layak menerima pengesahan pendaftaran dari UOBM.
9. Sekiranya nombor kad yang diterima oleh UOBM tidak lengkap / tidak sah, SMS akan dihantar kepada Ahli Kad Yang Layak tanpa sebarang kos memberitahu mereka untuk mendaftar semula melalui SMS.
10. Setelah pendaftaran berjaya, Ahli Kad mesti menggunakan Kad UOBM untuk memenuhi Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam fasal 16 di bawah.

MEKANISMA KEMPEN

11. Perbelanjaan yang layak bagi tujuan Kempen ini, bermakna apa-apa perbelanjaan yang tidak kurang daripada RM10 (atau yang setaraf dengannya dalam mata wang asing, mengikut mana yang berkenaan) bagi setiap transaksi yang dibuat semasa Tempoh Kempen menggunakan Kad Kredit dan/atau Kad Debit untuk mendapatkan penyertaan untuk Kempen ini tetapi tidak terhad kepada Pelan Pembayaran Easi, Program Pemindahan Baki, Pelan Flexi-Credit dan Credit Shield ("Perbelanjaan Layak"). Sekiranya mana-mana Perbelanjaan yang Layak dibuat dalam mata wang asing selain daripada Ringgit Malaysia, kadar pertukaran semasa oleh UOBM perlu diguna pakai.
12. Perbelanjaan Tidak Layak adalah termasuk;
- Pendahuluan Tunai;
 - Caj Kewangan;
 - Caj Lewat;
 - Yuran Tahunan;
 - Pecahan dan / atau transaksi tidak sah;
 - Penarikbalikan atau bayaran balik; dan
 - Apa-apa transaksi lain yang ditentukan oleh UOBM.

Perbelanjaan Tidak Layak yang dinyatakan di atas tidak layak untuk Kempen.

13. Fasal 15 di bawah menyatakan bilangan penyertaan bagi Perbelanjaan Layak. Bagi mengelakkan keraguan, terdapat had **maksimum sebanyak 100 penyertaan bagi setiap transaksi.**
14. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kad untuk perbelanjaan tersebut bagi melayakkan diri sebagai Perbelanjaan Layak di bawah Kempen ini.
15. Selain dinyatakan dalam Jadual A di bawah, Ahli Kad Yang Layak boleh mendapatkan bilangan penyertaan ("Kelayakan Penyertaan") pada **setiap RM10 (atau yang setaraf dengannya, mengikut mana yang berkenaan)** yang dibelanjakan dalam satu transaksi,:

Jadual A:

No.	Kriteria Perbelanjaan	Kelayakan Penyertaan untuk setiap RM10 (atau yang setaraf dengannya, mengikut mana yang berkenaan)	Terma Belanja
1	Perbelanjaan Runcit	1	Apa-apa Perbelanjaan Layak yang dibuat di mana-mana kedai di Malaysia, termasuk Perbelanjaan Layak yang dibuat dalam talian dalam mata wang Ringgit Malaysia.
2	Pembayaran Contactless	3	Perbelanjaan Layak yang dibuat dengan Mighty Pay, Visa payWave dan/atau MasterCard Contactless

3	<ul style="list-style-type: none"> a) Perbelanjaan Luar Negara atau perbelanjaan atas Talian yang dibuat dalam bentuk mata mana-mana wang asing b) Pelan Pembayaran Ansuran UOBM (IPP). c) AutoPay Bill 	5	<ul style="list-style-type: none"> a) Perbelanjaan layak yang dibuat dalam mata wang asing, transaksi ini akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) dan akan berdasarkan kepada kadar pertukaran semasa UOBM. b) Minimum IPP RM500 (Setiap perbelanjaan RM10 = 5 penyertaan) c) Minimum Bill RM10 (Setiap perbelanjaan RM10 = 5 penyertaan)
<p>TAMBAHAN 100 PENYERTAAN Minimum 10 transaksi dengan UOB Mighty Pay, Visa payWave dan atau MasterCard Contactless ("Pembayaran Contactless ")</p>			

16. Ahli Kad Yang Layak memenuhi kriteria pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4 di atas dan memenuhi Perbelanjaan Kelayakan dalam mana-mana Kemasukan Kelayakan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual A di bawah di atas semasa Tempoh Kempen ("Kriteria Kelayakan") berpeluang untuk memenangi hadiah seperti yang dinyatakan di dalam jadual dalam Fasal 19 di bawah.
17. Perbelanjaan Layak bagi Ahli Kad Yang Layak Tambahan akan digabungkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli Kad Yang Layak Utama sepanjang Kempen ini dalam menentukan sama ada Ahli Kad Yang Layak Utama memenuhi Kriteria Kelayakan (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 16 di bawah). Untuk mengelakkan keraguan, hanya Ahli Kad Yang Layak utama yang layak memenangi Hadiah.
18. Perbelanjaan Layak dibuat dalam Tempoh Kempen mesti diperolehi oleh sistem kad kredit yang disenggara oleh UOBM untuk layak mengambil bahagian dalam Kempen ini.

HADIAH

19. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, setiap Ahli Kad Yang Layak akan layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Bulanan ("Pemenang Hadiah Bulanan") atau satu (1) Hadiah Mingguan ("Pemenang Hadiah Mingguan") atau satu (1) Hadiah Harian ("Pemenang Hadiah Harian") sepanjang Tempoh Kempen.

Jenis	Hadiah	Jumlah Unit yang diberi semasa Tempoh Kempen
Hadiah Bulanan	RM100,000 Pulangan Tunai	Satu (1) Pemenang Hadiah Bulanan*, sebanyak empat (4) Pemenang Hadiah Bulanan <i>*Perbelanjaan kumulatif sebanyak RM1,500 dalam sebulan</i>
Hadiah Mingguan	RM10,000 Pulangan Tunai	Satu (1) Pemenang Hadiah Mingguan dalam satu minggu, sebanyak Enam Belas (16) Pemenang Hadiah Mingguan.
Hadiah Harian	RM1,000 Pulangan Tunai	Lima (5) Pemenang Hadiah Harian dalam satu hari, Sebanyak Lima Ratus Enam Puluh (560) Pemenang Hadiah Harian.

(secara kolektif, Hadiah Utama dan Hadiah Mingguan hendaklah dirujuk sebagai ("Hadiah"))

20. Untuk memenangi Hadiah Harian, sebarang transaksi yang dikira daripada waktu Malaysia dari jam 00.00 hingga jam 23.59 semasa Tempoh Kempen. Tarikh & masa transaksi adalah berdasarkan pada masa transaksi itu diperolehi oleh rekod transaksi UOBM semasa Tempoh Kempen.

21. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan / atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh mana-mana rakan niaga atau mana-mana dari pihak lain.
22. Hadiah Bulanan dan Hadiah Migguan yang diperuntukkan berdasarkan peruntukan Bulan Penyertaan dan Minggu Penyertaan dinyatakan dalam Jadual B di bawah:

Jadual B:

Bulan Penyertaan	Tarikh-tarikh	Jumlah Pulangan Tunai Peruntukan (RM)
1	16 Oktober 2017 – 31 Oktober 2017	100,000
2	1 November 2017 – 30 November 2017	100,000
3	1 Disember 2017 – 31 Disember 2017	100,000
4	1 Januari 2018 – 4 Februari 2018	100,000
	Jumlah Pulangan Tunai Bulanan (RM)	400,000

Jadual C:

Bulan Penyertaan	Tarikh-tarikh	Jumlah Pulangan Tunai Peruntukan (RM)
1	16 Oktober 2017 - 22 Oktober 2017	10,000
2	23 Oktober 2017 - 29 Oktober 2017	10,000
3	30 Oktober 2017 - 5 November 2017	10,000
4	6 November 2017 - 12 November 2017	10,000
5	13 November 2017 - 19 November 2017	10,000
6	20 November 2017 - 26 November 2017	10,000
7	27 November 2017 - 3 Disember 2017	10,000
8	4 Disember 2017 - 10 Disember 2017	10,000
9	11 Disember 2017 - 17 Disember 2017	10,000
10	18 Disember 2017 - 24 Disember 2017	10,000
11	25 Disember 2017 - 31 Disember 2017	10,000
12	1 Januari 2018 - 7 Januari 2018	10,000
13	8 Januari 2018 - 14 Januari 2018	10,000
14	15 Januari 2018 - 21 Januari 2018	10,000
15	22 Januari 2018 - 28 Januari 2018	10,000
16	29 Januari 2018 – 4 Februari 2018	10,000
	Jumlah Pulangan Tunai Mingguan (RM)	160,000

23. Jumlah hari semasa Kempen adalah seratus dua belas (112) hari. Jumlah Pulangan Tunai Harian adalah RM560,000.
24. Jumlah Pulangan Tunai diberikan sepanjang Tempoh Kempen adalah RM1,120,000.
25. UOBM tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan mana-mana Ahli Kad Yang Layak **sekiranya Hadiah mencapai jumlah perolehan Pulangan Tunai** sepanjang Tempoh Kempen.
26. Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada', tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

PROSES PEMILIHAN PEMENANG

27. Berdasarkan penyertaan yang diperuntukkan, Ahli Kad yang Layak akan disenarai pendek oleh program *randomizer* UOBM bagi Hadiah masing-masing.
28. Apabila disenarai pendek, Ahli Kad Layak mesti memenuhi kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Fasal 1.

29. Pemenang Hadiah

- a) Ahli Kad yang Layak yang telah disenarai pendek akan dihubungi oleh wakil-wakil UOBM pada nombor telefon bimbit yang didaftarkan untuk penyertaan Kempen atau direkodkan dalam sistem UOBM pada bila-bila pada waktu pejabat untuk menjawab satu (1) soalan. Panggilan akan dibuat kepada Ahli Kad Utama sahaja.
 - b) Ahli Kad Yang Layak disenarai menjawab satu (1) soalan. Ahli Kad Yang Layak akan dianggap sebagai pemenang jika dia dapat menjawab soalan dengan betul.
 - c) Sekiranya Ahli Kad Yang Layak disenarai tidak dapat menjawab soalan dengan betul atau tidak menjawab dalam tarikh atau masa yang ditetapkan, Ahli Kad Yang Layak selanjutnya dalam urutan akan disenarai pendek.
 - d) Sekiranya Ahli Kad yang Layak yang telah disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama untuk apa jua sebab, dan/ atau Ahli Kad yang disenarai pendek ingin menarik diri daripada Kempen setelah dihubungi oleh wakil UOBM, dia tidak layak untuk Kempen ini.
30. Semua Pemenang akan dimaklumkan sama ada secara bertulis atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau panggilan daripada UOBM dalam tempoh enam (6) minggu selepas akhir setial Bulan Penyertaan.
31. Hadiah Mingguan akan dikreditkan ke dalam kad kad tertinggi dalam akaun Kad Pemenang Mingguan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas akhir setial Bulan Penyertaan.

TERMA DAN SYARAT AM UOBM

32. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad dan Terma dan Syarat UOB Debit MasterCard ("Generik T&S"). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan Generik T&S yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
33. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, saudagar-saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Ahli Kad gagal untuk layak dengan Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.
34. Rekod-rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOBM dan keputusan UOBM dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Ahli Kad. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana orang mengenai sebarang perkara berkaitan Kempen ini. Sebarang rayuan dan / atau surat-menyurat daripada Ahli Kad atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.
35. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan yang berkaitan dengan Kempen ini dan / atau Pulangan Tunai yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana bahan-bahan media massa, pemasaran atau pengiklanan.
36. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua keadaan (termasuk kecederaan, kematian, kerugian atau kerosakan akibatnya) dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad Yang Layak yang terhasil secara langsung atau tidak langsung dari Kempen ini dan / atau Hadiah, melainkan jika disebabkan oleh kelalaian atau salah laku kasar UOBM.
37. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tetapi tidak terhad kepada mereka yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu yang berkaitan dengan Kempen ini dan Pulangan Tunai bawah Kempen ini.
38. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.

39. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Layak membenarkan UOBM mendedahkan data peribadi dan gambar Ahli Kad yang Layak untuk menerbitkan dalam mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk tujuan pengiklanan atau publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap perlu oleh UOBM dengan kebenaran bertulis Dari Ahli Kad Layak
40. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung dan / atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya, dengan memberi dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM, memasukkan pernyataan ke dalam penyata Akaun atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
41. UOBM berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh UOBM bagi Kempen ini tidak melayakkan Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada sebagai akibat langsung atau tidak langsung seperti pembatalan, penamatan atau penggantungan.
42. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

Tamat